

**SULIT**

**SMK LALOH, KUALA KRAI, KELANTAN**

**PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014**

**1103/2 (PP)**

**Bahasa Melayu**

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan

Ogos 2014

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta SMK. Laloh. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

---

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak

Markah penuh: **110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

- (a) Isi – 20 markah  
(b) Bahasa – 10 markah

**(a) Isi [ 20 markah]**

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan  
Perkataan yang dikira sebagai **satu** perkataan
  - nama khas
  - perkataan berulang (kata ganda)
  - penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										2
	<b>Jumlah Markah</b>									20

### Soalan 1 : Rumusan

#### Pendahuluan

Petikan membincangkan kebaikan/maslahat/faedah mengamalkan nilai-nilai positif dalam kalangan masyarakat di Malaysia/negara kita. 2m

Petikan membincangkan kebaikan/maslahat/faedah mengamalkan nilai-nilai positif 1m

Petikan membincangkan kepentingan nilai-nilai positif dalam kalangan rakyat . 0m

#### Isi Tersurat [4 – 12 markah]

##### Kepentingan nilai-nilai positif

- |     |   |    |
|-----|---|----|
| S1. | Membina keyakinan diri masyarakat (1m) dan menentukan kekuatan sesuatu bangsa, kaum atau negara (1m)                        | 2m |
| S2. | menjadi asas pembinaan kekuatan moral, kerohanian, kemanusiaan dan keterampilan dalam segala bidang                         | 2m |
| S3. | mendorong individu dan masyarakat supaya berani bertindak secara rasional (1m) untuk menegakkan kebenaran dan keadilan (1m) | 2m |
| S4. | membebaskan individu dan masyarakat daripada ancaman gejala social  | 2m |
| S5. | pembinaan imej diri yang menonjolkan keterampilan, kewibawaan dan kekuatan moral  | 2m |
| S6. | mewujudkan guna tenaga yang produktif dan positif   | 2m |
| S7. | cabaran dan dugaan di pentas global mampu ditangani secara lebih mudah  | 2m |
| S8. | membantu membanteras pelbagai masalah (1m) yang mengancam diri sendiri, masyarakat dan negara (1m)                          | 2m |
| S9. | menggalakkan perkembangan dan kemajuan tuntas seseorang individu  | 2m |

#### Isi Tersirat [4 – 12 markah]

##### Kekangan untuk menyemai nilai-nilai tersebut

- |     |   |    |
|-----|---|----|
| T1. | <b>Media massa</b> banyak menyiarakan budaya negatif dari Barat   | 2m |
| T2. | <b>Remaja</b> mudah terpengaruh dengan gejala negatif.  | 2m |
| T3. | <b>Masyarakat</b> memandang remeh terhadap usaha-usaha pemupukan nilai-nilai positif  | 2m |
| T4. | <b>Masyarakat</b> tidak memberi sokongan terhadap usaha-usaha pemupukan nilai-nilai positif                                   | 2m |
| T5. | Pihak <b>sekolah</b> memberi lebih penekanan terhadap kecemerlangan akademik berbanding dengan pemupukan nilai-nilai positif. | 2m |
| T6. | <b>Ibu bapa</b> tidak cakna terhadap pemupukan nilai dalam kalangan anak mereka.  | 2m |

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

#### Penutup/Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak mestilah berusaha untuk memupuk nilai-nilai positif **supaya** dapat melahirkan masyarakat yang bersahsiah tinggi. 2m

Kesimpulannya, semua pihak mestilah berusaha untuk memupuk nilai-nilai positif. 1m

(b) **Bahasa [ 10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 - 17	9 – 10 7 – 9	- Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 - 11	6 – 7 4 – 6	- Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota:

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

[ Markah bahasa maksimum: 10 markah]

## Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

### Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah.

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis	1
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah ( 2 isi cukup)

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugasan tetapi ayat kurang gramatis.	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah ( 2 isi cukup)

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugasan tetapi ayat kurang gramatis.	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

**Soalan 2(a) - Petikan umum**

(i) **Maksud**

Berikan maksud rangkai kata **merealisasikan matlamat**?

- (mencapai/menterjemahkan/menjayakan) (tujuan/objektif/sasaran) 2m
- (mencapai/menterjemahkan/menjayakan) matlamat 1m
- merealisasikan (tujuan/objektif/sasaran) 1m

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) **Sebab-sebab** ( Cukup 2 isi)

Penulis menyatakan beberapa sebab nilai negatif perlu dikikis.

Nyatakan sebab-sebab tersebut.

P1- membebaskan masyarakat daripada kemunduran dan kejahilan

P2- menjadi liabiliti kepada negara

P3- menjadi batu penghalang ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020

**[maksimum : 3 markah]**

(iii) **Langkah-langkah** (Cukup 2 isi)

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang berkesan untuk menanamkan nilai-nilai tersebut dalam kalangan murid?

Berikan **dua** langkah.

P1 - Guru menerapkan nilai-nilai positif secara konsisten dalam pengajaran

P2 - Pihak sekolah mengadakan program bertemakan nilai-nilai positif

P3 - Pihak sekolah menampal poster-poster berkaitan nilai-nilai positif

P4 - Pihak sekolah memberi ganjaran kepada pelajar yang bersahsiah tinggi

P5 - Kanselor mengadakan program kesedaran untuk menyemai nilai positif

P6 - Pihak KPM, JPN, PPD mengadakan kursus/seminar/bengkel kesedaran

[ \* Jawapan lain isi yang sesuai boleh diterima]

**[maksimum : 4 markah]**

**Soalan 2 (b) : Petikan Drama**

**(i) Rungutan**

*Nyatakan rungutan orang-orang kampung yang disampaikan oleh Intan Siti Rahimah kepada Pak Tuan Dollah.*

P1 - Kekotoran daripada kandang kuda mencemarkan air sungai 1

P2 - Anak-anak mereka sakit-sakit belaka 1

**[Maksimum : 2 markah]**

**(ii) Langkah-langkah [2 isi cukup]**

*Sekiranya anda Pak Tuan Dollah, apakah langkah-langkah yang akan anda ambil untuk memastikan sungai itu tidak terus tercemar?*

P1 - Memindahkan kandang kuda jauh daripada sungai 1

P2 - Membina sistem kumbahan yang lebih sistematik 1

P3 - Memproses najis kuda menjadi baja organik 1

P4 - Mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak berwajib 1

P5 - Menukarkan bidang ternakan kepada bidang yang lain 1

P6 - Mengadakan gotong-royong membersihkan sungai 1

**[ \* Jawapan lain isi yang sesuai boleh diterima]**

**[maksimum : 3 markah]**

**(iii) Persoalan dalam petikan (Isi + Contoh)**

**P1 - Pencemaran sungai memberi kesan buruk kepada masyarakat dan membawa penyakit**

Contoh : Air sungai yang tercemar menyebabkan anak orang-orang kampung menghidapi penyakit. 1 + 1

**P2 - Penindasan terhadap golongan yang lemah**

Contoh : Pak Tuan Dollah mahu orang kampung takut akan dirinya. 1 + 1

**P3 - Rasa simpati terhadap golongan bawahan**

Contoh : Intan Siti Rahimah sedih melihat kesengsaraan hidup orang Kampung. 1 + 1

**Persoalan dalam keseluruhan drama**

**P1 - Kepincangan masyarakat yang memilih kepada orang yang berharta**

Contoh : Pak Tuan Dollah menggunakan wang untuk mempengaruhi penduduk kampung memilihnya sebagai wakil penduduk. 1 + 1

**P2 - Kesedaran dan keinsafan terhadap kesilapan yang pernah dilakukan**

Contoh : Pak Tuan Dollah menyedari perbuatannya selama ini telah menyimpang daripada hukum Allah dan dia insaf serta mula mendekatkan diri kepada Allah. 1 + 1

**P3 - Kepercayaan terhadap amalan syirik dan khurafat**

Contoh : Pak Tuan Dollah tergamak memindahkan jenazah ibunya dari kubur ke bawah rumah untuk memastikan dia memperoleh kekayaan seperti yang diminta oleh bomoh

1 + 1

[ \* Jawapan lain isi yang sesuai boleh diterima]

[maksimum : 4 markah]

**Soalan 2 (c): Petikan Prosa Tradisional**

**(i) Maksud**

Berikan maksud rangkai kata **sudah derhaka kepada penghulu kita sendiri** berdasarkan petikan di atas?

- Telah khianat terhadap pemimpin kita
- Derhaka kepada pemimpin
- Telah khianat kepada penghulu kita sendiri

2  
1  
1

[maksimum : 2 markah]

**(ii) Alasan (Isi cukup : 2)**

Apakah alasan yang telah diberikan oleh Awang Sulung Merah Muda untuk membolehkan baginda pulang semula ke Bandar Mengkaleh?

- P1 - Baginda telah menewaskan Tuan Puteri Dayang Nuramah yang hendak merampas baginda daripada tangan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa
- P2 - Hutang baginda sudah berbayar
- P3 - Piutang pun sudah diterima

[maksimum : 3 markah]

**(iii) Mengapa perlu mentaati ketua (Isi Cukup : 2)**

Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu mentaati ketua yang telah dilantik secara majoriti?

- P1 - ketua telah dilantik oleh masyarakat dan sudah pastinya ketua merupakan orang yang paling layak diikuti nasihat atau arahannya.
- P2 - ketua orang yang paling mahir mentadbir organisasi dan selalunya mereka orang yang berpengalaman.
- P3 - keputusan mesyuarat merupakan keputusan ramai dan jika menentangnya bermakna tindakan kita bertentangan dengan budaya hidup bermasyarakat.

[ \* Jawapan lain isi yang sesuai boleh diterima]

[maksimum : 3 markah]

**Soalan 2(d): Puisi Moden**

**(i) Maksud**

Berikan maksud **dahaga tak pernah langsai**

- Ilmu tidak akan habis dipelajari
- Ilmu tak pernah langsai

2

1

[maksimum : 2 markah]

**(ii) Cara-cara (Isi cukup : 2)**

Sekiranya anda ialah pengawas pusat sumber, apakah cara-cara yang dapat anda lakukan untuk menarik para pelajar mengunjungi perpustakaan?

- P1 - Memastikan pusat sumber dalam keadaan teratur dan selesa
- P2 - Menyediakan perkhidmatan kaunter yang mesra dan cekap
- P3 - Memastikan suasana yang senyap dan kondusif
- P4 - Bersedia membantu pelajar lain yang berurusan di pusat sumber

[ \* Jawapan lain isi yang sesuai boleh diterima]

[maksimum : 3 markah]

**(iii) Pengajaran (Isi + Huraian)**

Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut .

- P1 - Kita hendaklah tekun semasa menuntut ilmu **supaya** tidak ketinggalan dalam pembelajaran.
- P2 - Kita hendaklah mempunyai minat untuk mendalami sesuatu bidang ilmu **kerana** ilmu amat penting dalam kehidupan
- P3 - Kita hendaklah memiliki kegigihan dalam usaha mengejar ilmu **supaya** mudah untuk menguasainya.
- P4 - Kita hendaklah rajin mengunjungi perpustakaan **kerana** perpustakaan adalah tempat yang sesuai untuk belajar.

1 + 1

1 + 1

1 + 1

1 + 1

[ \* Jawapan lain isi yang sesuai boleh diterima]

[maksimum : 4 markah]

### Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3 (b) : **6** markah

Soalan 3(c): **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

#### Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah
10. Ayat mengelak, berikan 0 markah

#### Jawapan 3(a)

**(i) segerombolan**

kumpulan orang jahat seperti perompak, pengganas, penyamun, penjenayah, pencuri, lanun dan sebagainya.

**(ii) sekawan**

Kumpulan haiwan yang hidupnya bergerak berkawan-kawan seperti burung, gajah, kuda, lebah, merpati, dan sebagainya

**(iii) sekepal**

Benda yang boleh dikepal atau disukat dengan genggaman seperti nasi, tanah, pulut, dan sebagainya

**(iv) sepapan**

Benda yang berbentuk kepingan seperti coklat, petai, mercun, dan sebagainya

**(v) sepasang**

Manusia/ benda yang berpasangan atau dalam bilangan dua seperti suami isteri, anting-anting, kasut, stoking dan sebagainya

**(vi) serumpun**

Pokok-pokok yang tumbuh berumpun atau berkelompok seperti buluh, pandan,lalang, padi, serai, tebu, dan sebagainya

**[maksimum : 6 markah]**

**Jawapan 3(b)**  
**Menggabungkan ayat**

1. Malaysia menjadi destinasi tarikan pelancong kerana mempunyai beberapa buah pulau yang indah dan kawasan rekreasi hutan yang menarik.
2. Kerajaan telah berusaha dengan gigih untuk mempromosikan Malaysia dengan mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia dan menganjurkan pertandingan sukan bertaraf antarabangsa.
3. Ekonomi Malaysia meningkat dan peluang pekerjaan juga terbuka luas kerana banyak pelancong datang ke Malaysia.

[maksimum : 6 markah]

**Jawapan 3(c)**

- |                 |   |             |
|-----------------|---|-------------|
| (i) demonstrasi | - | demonstrasi |
| tertarik        | - | menarik     |
| (ii) pinggan    | - | pinggang    |
| meletih         | - | keletihan   |
| (iii) selsema   | - | selesema    |
| merbahaya       | - | berbahaya   |

[maksimum : 6 markah]

**Jawapan 3(d)**

- |                   |   |                |
|-------------------|---|----------------|
| (i) beliau        | - | dia            |
| di dalam          | - | dalam          |
| (ii) kenyamanan   | - | keindahan      |
| bintang-bintang   | - | bintang        |
| (iii) di kalangan | - | dalam kalangan |
| pengguna          | - | penutur        |

[maksimum : 6 markah]

**Jawapan 3(e) Peribahasa**

**Perhatian:**

Kesalahan ejaan/imbuhan, tolak  $\frac{1}{2}$  daripada markah keseluruhan

- (i) Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.
- (ii) Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai
- (iii) Kalau kail panjang sehjengkal, lautan dalam usah diduga

#### Soalan 4: Novel

Markah penuh 15 markah

##### Peraturan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
(iii) Beri 1 markah bagi pengorbanan watak utama.  
(iv) Beri 1 markah bagi huraian/contoh pengorbanan  
(v) Markah isi maksimum 4 (maksimum 2 isi dan 2 huraian/contoh).  
(vi) Markah bahasa maksimum 3.  
(vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.  
    Baik : 3 markah  
    Sederhana : 2 markah  
    Lemah : 1 markah  
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.  
(viii) Calon tidak menjawab 0 markah.
- (a) Jelaskan **dua contoh pengorbanan** yang dilakukan oleh watak utama dalam sebuah novel yang telah anda pelajari.

[ 7 markah]

##### Novel Renyah

###### i. Pengorbanan ayah kepada anaknya

Contoh : Datuk Dolhi dan Datin Tominah hadir pada anugerah pendidik negeri terbaik anaknya Amera atas permintaan anaknya.

###### ii. Pengorbanan suami kepada isteri

Contoh: Datuk Dolhi menemani isterinya Datin Tominah menghadiri pertunjukan fesyen Busana Islam walaupun beliau sangat bosan dengan pertunjukan tersebut

###### iii. Pengorbanan kepada sahabat

Contoh: Datuk Dolhi berkorban untuk memajukan syarikat usaha sama dengan Albert Lee.

###### iv. Pengorbanan kepada usahawan muda

Contoh: Datuk Dolhi sering meluangkan masa untuk membimbing usahawan muda melalui ceramah kepada golongan berkenaan.

##### Novel Sutera Dalam Lukisan

###### i. Pengorbanan anak kepada ibunya

Contoh: Bujei cuba menyelamatkan ibunya daripada kebakaran rumahnya tetapi tidak berhasil kerana api marak terlalu cepat dan dia dihalang oleh orang ramai daripada memasuki rumahnya yang terbakar.

###### ii. Pengorbanan seorang anak

Contoh: Walaupun bapa tirinya, Harun sering menyeksanya malah telah cuba mengambil peluang untuk merampas hak milik Bujei yang ditinggalkan oleh arwah ibunya namun Bujei tetap menghormati Harun.

**iii. Pengorbanan seorang sahabat**

Contoh: Bujei berkorban untuk membela Adila daripada fitnah yang dilemparkan oleh Alias.

\*\*\*\*\*

- (b) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
(iii) Beri **1** markah bagi setiap latar masyarakat.  
(iv) Beri **1** markah bagi setiap huraihan/contoh yang betul untuk setiap latar masyarakat  
(v) Markah isi maksimum 6 (maksimum **2** markah bagi setiap latar masyarakat dan contoh).  
(vi) Markah bahasa maksimum **2**.  
(vii) Markah bahasa diberi secara *impression*  
    Baik :               2 markah  
    Lemah :             1 markah  
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.  
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.
- (b) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji,uraikan **tiga** latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut.

[ **8 markah** ]

**Novel Renyah**

i. **Masyarakat usahawan .**

Contoh : Datuk Dolhi dan Albert Lee merupakan usahawan yang berjaya dan kaya

ii. **Masyarakat yang tamak .**

Contoh : Hasnol bersikap tamak sebab menerima rasuahTengku Munir.

iii. **Masyarakat pendidik .**

Contoh : Amera bekerja sebagai guru dan menerima anugerah guru negeri terbaik.

iv. **Masyarakat majmuk .**

Contoh : Wahi Melayu, Yuka Jepun dan Albert Lee Cina

v. **Masyarakat penyelewengan agama .**

Contoh : Mukhlis, Tok Guru dan Hanisah terikut dengan kesesatan ajaran agama.

vi. **Masyarakat mementingkan bahasa kebangsaan.**

Contoh : Raj Hussein meminta Datuk Dolhi menamakan projeknya dengan nama kemelayuan sedikit.

vii. **Masyarakat menghargai alam sekitar.**

Contoh : Ilham mencatat sesuatu maklumat penulisannya tentang alam sekitar.

viii. **Masyarakat menghargai barang tempatan.**

Contoh : Datin Tominah minta Datuk Dolhi memakai baju batik tempatan iaitu batik Kelantan.

- ix. **Masyarakat yang menggalakkan perkahwinan campur.**  
Contoh : Wahi berkahwin dengan gadis Jepun Yuka dan Robert Lee ingin berkahwin dengan Amera gadis Melayu.
- x. **Masyarakat yang mementingkan pendidikan.**  
Contoh : Semua anak-anak Datuk Dolhi belajar di Universiti.

#### **Novel Sutera Dalam Lukisan**

- i. **Masyarakat kampung yang memandang rendah kepada orang yang kurang berasib baik.**  
Contoh:  
Masyarakat kampung memandang rendah terhadap Bujei dengan mengatakan dia bodoh, dungu dan tidak berakal.
- ii. **Masyarakat kampung yang mempunyai norma kemanusiaan.**  
Contoh:  
Sidang Saman begitu mengambil berat tentang Bujei dengan membawa Bujei balik ke rumahnya setelah dipukul oleh Harun.
- iii. **Masyarakat yang mengambil kesempatan atas kesenangan orang lain.**  
Contoh:  
Baharu sahaja beberapa bulan berkahwin, Harun sudah memujuk Fatimah untuk membeli kereta.
- iv. **Masyarakat yang mengamalkan kerjasama.**  
Contoh:  
Penduduk kampung bekerjasama untuk mengadakan majlis perkahwinan Same'ah.

**Selamat Memeriksa**

**Salam Hormat  
CSL2014**